



27 MAY, 2026

Kegiatan 2 premis tertutup lombong bitcoin terbongkar

Berita Harian, Malaysia



Kegiatan 2 premis tertutup lombong bitcoin terbongkar

Polis rampas 36 mesin dalam Ops Elektrik di Muadzam Shah

Kuantan: Polis membongkar kegiatan perlombongan mata wang digital (bitcoin) haram menerusi serbuan ke atas dua premis di Bandar Satelit, Muadzam Shah, Rompin, Kelmarin.

Ketua Polis Daerah Rompin,

Superintendan Sharif Shai Sharif Mondoi, berkata serbuan menerusi Ops Elektrik kira-kira 2.30 petang dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin dan Tenaga Nasional Bhd (TNB)

Kuantan Zon Timur.

Sambungan elektrik haram

Katanya, pemeriksaan mendapati dua premis tertutup dan tidak beroperasi itu dijadikan pusat perlombongan bitcoin dengan menggunakan sambungan elektrik secara tidak sah.

"Susulan itu, polis merampas 36 mesin perlombongan mata wang digital, 18 blower dan kipas serta masing-masing dua set komputer dan modem wifi digunakan



Kakitangan TNB memeriksa premis yang menyambungkan elektrik secara haram dalam Ops Elektrik di Bandar Satelit, Muadzam Shah, Rompin, Kelmarin.

(Foto ihsan IPD Rompin)

bagi menjalankan aktiviti itu," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, setakat ini tiada tangkapan dibuat dan usaha mengesan individu terbabit sedang dijalankan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan dan Seksyen 37(3) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Sharif Shai berkata, pihaknya akan terus pergiat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan bekalan elektrik serta perlombongan mata wang digital secara haram yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada negara selain membahayakan keselamatan awam. BERNAMA